



BORANG PENCALONAN
ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE
SOFTWARE 2012 (MyGOSS 2012)

1. Nama Organisasi:

AKADEMI PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

2. Nama Projek/Sistem/Inisiatif OSS Yang Dicalonkan:

DIGITAL SIGNAGE

3. Tarikh (bulan & tahun) projek/system/inisiatif yang dicalonkan mula beroperasi:

APRIL 2011

4. Maklumat pegawai yang membuat pencalonan:

Nama: MOHD SHAFUL NIZAM BIN AZIZAN

Jawatan: PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Agensi: AKADEMI PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

Alamat: KM 15, JALAN TIANG DUA,
75460 AYER MOLEK, MELAKA

Telefon: 06-2692666

Faks: 06-2692608

E-mel: shaiful@jpp.gov.my

5. Pegawai yang boleh dihubungi untuk mendapatkan maklumat lanjut:

Nama: MOHD SHAFUL NIZAM BIN AZIZAN

Jawatan: PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT

Telefon: 06-2692666 / 012-7294912

Faks: 06-262608

E-mel: shaiful@jpp.gov.my



LAPORAN PENCALONAN

ANUGERAH MALAYSIAN GOVERNMENT OPEN SOURCE SOFTWARE 2012 (MyGOSS 2012)

1. Nama Projek/Sistem/Inisiatif

Digital Signage

2. Profil Kementerian / Jabatan / Institusi (maksimum 200 patah perkataan)

Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia merupakan pemangkin kepada usaha-usaha pembangunan sumber manusia di Jabatan Pengangkutan Jalan menerusi perancangan dan pelaksanaan latihan yang berkualiti.

Penubuhan Akademi adalah untuk mengukuhkan potensi modal insan JPJ agar sentiasa relevan dengan senario semasa di mana kakitangan JPJ perlu dilatih dengan aplikasi terkini, menyerap sistem dan pemikiran baru, mengamalkan nilai murni dan jati diri malah memiliki daya usaha untuk menyelesaikan permasalahan rakyat selaku pelanggan.

Visi Akademi adalah untuk menjadi pusat kecemerlangan pembelajaran dan pembangunan pengurusan penguatkuasaan pengangkutan jalan bertaraf dunia.

Visi ini disokong oleh misi untuk merancang, mengurus dan melaksana latihan-latihan yang berkualiti bagi membangunkan pegawai-pegawai JPJ yang berpengetahuan, berkemahiran dan berhemah tinggi bagi memastikan pengangkutan jalan di Malaysia selamat, efisien dan memenuhi keperluan pelanggan dan Negara.

3. Sinopsis Projek/Sistem/Inisiatif (maksimum 150 patah perkataan)

Projek 'Digital Signage' merupakan salah satu inisiatif jabatan untuk mengembang-suburkan pembangunan OSS agensi kerajaan selain bertujuan menyediakan saluran maklumat dan hebahan rasmi jabatan dalam bentuk kandungan digital kepada kakitangan, peserta kursus dan orang awam yang berurusan di Akademi.

Melalui projek ini, maklumat disalurkan secara kreatif dan bervisual yang memberikan impak lebih berkesan melalui selingan video, dokumentari dan maklumat-maklumat terkini jabatan secara dalam rangkaian dan melalui frekuensi band yang telah ditetapkan

Projek ini telah mewujudkan 3 saluran rasmi jabatan iaitu *Colors of Academy*, *Academy Info* dan *Academy HBO* yang ditayangkan di semua saluran television di Akademi dan juga di tempatkan di Lobi Pentadbiran, saluran ini beroperasi secara 24 jam.

Selain dari Akademi Induk, siaran yang sama juga dipancarkan di Akademi Cawangan Langkawi iaitu saluran *Colors of Academy* dan *Akademi Info* dengan stesen kawalan beroperasi dari Melaka.

Kawalan pengurusan kandungan boleh mengakses untuk kemaskini kandungan bahan untuk setiap saluran melalui internet dan boleh dicapai dari mana-mana lokasi.

4. Teknologi yang digunakan (maksimum 150 patah perkataan)

Selaras dengan hasrat kerajaan dalam mengaplikasikan penggunaan perisian sumber terbuka (Open Source) dalam membangunkan aplikasi ICT jabatan. Projek ini menggunakan beberapa sumber seperti berikut :

- i. Linux Centos OS
- ii. Apache Web Server
- iii. Pangkalan Data - MySQL

Perkakasan yang diperlukan

- i. 1 Unit Server
- ii. 3 Unit PC (Bergantung kepada bilangan saluran yang diperlukan, 3 unit PC untuk 3 saluran diwujudkan, setiap 1 saluran menggunakan 1 unit PC) – spesifikasi PC yang diperlukan adalah pada tahap minimum sahaja.
- iii. Beberapa pendawaian yang diperlukan

Peralatan tambahan diperlukan sekiranya saluran ingin dimuatkan ke television seperti RF Modulator dan sebagainya dan disambungkan ke MATV. Nota : RF Modulator adalah digunakan untuk menukar signal dari PC kepada frekuensi radio.

5. Kelebihan / Keunikan (maksimum 350 patah perkataan)

Sistem ini dibangunkan berasaskan web, pengurusan kandungan hanya melalui web dan ini membolehkan pengurusan kandungan dibuat dimana-mana sahaja dan pemindahan kandungan antara cawangan dilakukan melalui protokol ftp. Saluran boleh diwujudkan seberapa banyak yang dikehendaki dengan mudah.

Projek ini membolehkan saluran maklumat dihebahkan dalam bentuk kreatif dan bervisual dengan sedikit imaginasi dan kreativiti ia mampu menghasilkan kandungan yang kelihatan sangat profesional dan setanding dengan produk-produk *proprietary* yang terdapat di pasaran dan ini akan memberikan imej yang lebih positif pada jabatan.

Selain itu, ia juga membolehkan kandungan jadual untuk siaran disusun dengan mudah dan cepat. Dan juga menentukan waktu setiap kandungan yang akan dipaparkan.

6. Inovasi (maksimum 350 patah perkataan)

Cetusan idea untuk menghasilkan sistem ini adalah timbul hasil dari kesukaran untuk mendapatkan lesen dan juga perolehan untuk sistem pengurusan kandungan digital adalah mahal dengan bajet jabatan yang terhad. Justeru itu kajian dijalankan bagi mengatasi situasi ini dengan bajet yang rendah dan sistem yang menyokong keperluan jabatan dimana kandungan boleh dikemaskini dimana sahaja dengan mudah melalui sokongan internet.

Ia boleh diimplementasikan dengan mudah oleh mana-mana agensi. Jadual siaran juga boleh ditentukan dan ditetapkan dengan mudah, dan juga boleh dibuat mengikut harian, dimana setiap kandungan boleh diwujudkan lebih awal dan ditayangkan pada hari ia dikehendaki.

Teknik siaran '*random*' adalah tambahan yang dibuat bagi membolehkan saluran filem-filem *blockbuster* pada saluran 11 (Akademi HBO) dibuat secara rawak tanpa mengikut jadual yang ditetapkan.

7. Kualiti / Pengiktirafan (maksimum 350 patah perkataan)

Sistem ini dibangunkan melalui R&D secara dalaman dan melibatkan kos yang begitu kecil dengan hanya menggunakan perkakasan sediaada. Konfigurasi, idea, model dan proses sistem dibuat oleh kakitangan sendiri.

Melalui sistem pengurusan kandungan dimana pengurusan (penerbit) boleh mencapai kandungan yang disediakan melalui saluran yang disediakan, kandungan boleh dilihat melalui saluran televisyen yang dikenali sebagai **Akademi.TV** (Akademi TV adalah merupakan projek berasingan yang dibangunkan kemudian dan menggunakan model yang sama dengan digital signage).

Sepanjang pelaksanaan, akademi boleh berbangga kerana ia merupakan hasil penyelidikan dalaman sendiri dengan menggunakan apa sahaja peralatan yang terdapat dan disediakan melalui lesen sumber terbuka dan ini sangat menjimatkan kos.

8. Potensi (maksimum 350 patah perkataan)

Dewasa ini kita melihat banyak agensi-agensi kerajaan yang menggunakan TV untuk memaparkan maklumat jabatan, namun kebanyakannya dilihat menayangkan Slide Powerpoint dalam bentuk yang tidak kreatif dan tidak menggambarkan nilai atau gah sesebuah jabatan.

Melalui projek 'Digital Signage', hebahan tersebut boleh dipaparkan dengan lebih kreatif, menarik dan memberikan imej yang lebih relevan kepada jabatan disamping impak yang lebih baik kepada pelanggan selaku rakyat yang berkunjung ke agensi.

Pendekatan 'bajet murah' ini sesuai dengan saranan berjimat cermat dalam agensi kerajaan yang membolehkan sistem ini diimplementasikan tanpa kos hanya dengan menggunakan semua peralatan sediaada seperti PC, pelayan atau television dan beberapa pendawaian asas yang mudah.

Projek ini boleh dikembangkan peluasannya kepada semua agensi awam yang menyediakan television di lobby-lobby untuk tayangan kepada rakyat, disambungkan ke MATV atau membawanya ke mana-mana pameran bergerak.

Ia adalah merupakan sistem pengurusan 'Digital Signage' yang mudah untuk diimplementasikan dimana hasilnya setaraf profesional tanpa sebarang lesen dan kos yang dikeluarkan untuk proses instalasi, pemasangan dan sebagainya semuanya dihasilkan oleh kakitangan.

9. Kandungan Tempatan (maksimum 350 patah perkataan)

Implementasi sistem ini adalah menggunakan sepenuhnya kepakaran tempatan. Dan lebih membanggakan ia lahir dengan kepakaran terlatih kakitangan agensi sendiri.